

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 18 Mac 2021 3:53 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENERIMA APC MILIKI NILAI KENDIRI YANG TINGGI



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

18 MAC 2021 / 4 SYAABAN 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah & Raja Muhammad Faiz Raja Iskandar
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PENERIMA APC MILIKI NILAI KENDIRI YANG TINGGI



UUM ONLINE: Hari Inovasi dan Majlis Penganugerahan Universiti (HIMPUS) 2021 yang berlangsung pagi tadi merupakan hari kemuncak bagi warga UUM yang telah memberikan perkhidmatan terbaik sepanjang tahun 2020 walaupun dunia menghadapi cabaran pandemik Covid-19 yang tidak pernah dibayangkan.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar berkata, HIMPUS diadakan khas bagi meraikan kejayaan warga UUM yang cemerlang serta pemenang bagi anugerah Penyelidikan, Penerbitan, Pengajaran, Pembelajaran, Inovasi dan Kualiti.

“Anda semua telah membuktikan bahawa anda mempunyai nilai sendiri yang tinggi dengan memberikan sumbangan yang terbaik. Saya pasti anugerah yang diterima ini amat bermakna dan merupakan puncak kejayaan kita semua.

“Berkaitan dengan nilai sendiri ini, sebenarnya telah diungkapkan sejak zaman dahulu lagi. Orang tua-tua pernah berpesan agar ‘ringan tulang’ sewaktu melakukan sebarang pekerjaan, malah dikatakan juga ‘ringan tulang beratlah perut’ yang bererti barang siapa yang bekerja keras, kehidupannya akan tenang dan mencukupi,” katanya.

Beliau berkata, sifat baik hati, bertimbang rasa, ramah, suka menolong, rajin, positif, bersedia dan bersemangat untuk menolong mampu menyatupadukan warga UUM.

Menurutnya, seiring usia penubuhan 37 tahun UUM, pengiktirafan yang diterima akan memberi suntikan semangat kepada pemenang anugerah untuk terus berusaha gigih bagi mengharumkan

nama UUM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selaras dengan visinya menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka.

“Tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh warga UUM yang telah memberi khidmat bakti dalam pembangunan UUM. Kita sedia maklum bahawa perjuangan kita belum berakhir dan harus dilipatgandakan tanpa meminggirkan falsafah yang terkandung dalam moto Ilmu, Budi, Bakti yang menjadi nadi kepada usaha untuk menginsankan pendidikan,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, HIMPU dianjurkan selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda utama negara dalam mentransformasikan sektor awam.

Menurutnya, inovasi dan transformasi merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Keduanya kini menjadi fokus untuk memacu strategi pelaksanaan bagi membolehkan Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

Pada masa sama, kata beliau, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah meninggalkan impak yang besar terhadap operasi dan pengurusan universiti.

“Sepanjang tempoh ini, semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk program sarjana muda telah dilaksanakan secara 'online learning' atau kaedah 'remote learning', manakala aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk program pasca siswazah dijalankan secara mod terbuka dan jarak jauh atau Online Distance Learning (ODL),” katanya.

Seramai 236 staf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang terdiri daripada 24 staf pentadbiran kumpulan Pengurusan & Profesional, 136 staf pentadbiran kumpulan Pelaksana dan 76 staf Akademik, di samping meraikan 10 penerima Anugerah Penjawat Cemerlang dan penyampaian Insentif Kecemerlangan Akademik kepada dua kakitangan akademik yang berjaya menamatkan pengajian PhD pada masa yang ditetapkan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.